



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGUASAAN KATA KERJA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH***

ANNUAR KHISHAM BIN ISA

FBMK 2021 2



**PENGUASAAN KATA KERJA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

ANNUAR KHISHAM BIN ISA

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

April 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PENGUASAAN KATA KERJA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Oleh

ANNUAR KHISHAM BIN ISA

April 2021

Pengerusi : Profesor Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji pemahaman penggunaan tatabahasa yang betul dalam pengajaran. Oleh itu kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu mengenal pasti tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar, menganalisis jenis kesilapan penggunaan kata kerja yang menjejaskan penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar dan merumuskan penerapan teori Corder dengan tahap kesilapan kata kerja yang menjejaskan penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar. Kajian yang dilakukan secara kajian lapangan ini memberi tumpuan terhadap 100 responden yang terdiri daripada 100 pelajar, tingkatan empat di Kolej Tunku Kurshiah, Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Borang ujian penguasaan kata kerja yang mengandungi 4 bahagian ini diberikan kepada responden untuk mendapatkan tahap penguasaan tinggi, sederhana atau lemah. Teori kajian ini menggunakan teori Corder (1971) yang menyatakan bahawa kesalahan bahasa mengganggu atau menghalang pelajar daripada menguasai corak dan peraturan bahasa yang sedang mereka pelajari. Reka bentuk kajian ini secara tinjauan dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang mana pengkaji menggunakan alat perisian *Statistical Package for the Social Sciences Version 22.0* (SPSS) bagi mengukur tahap berdasarkan objektif kajian. Pengkaji menganalisis secara deskriptif bagi mendapatkan nilai min dan interpretasi min bagi mengukur nilai tahap setiap penguasaan tatabahasa. Selain itu dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan kata kerja masih bermasalah iaitu berlaku kesalahan dalam kalangan pelajar yang bersekolah di asrama penuh berprestasi tinggi dan cemerlang, dengan catatan lapan responden pada tahap sederhana dan 92 berada pada tahap cemerlang. Secara rincinya, kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif juga menjadi masalah untuk difahami dan dikuasai oleh pelajar.

Kata Kunci: Tatabahasa, Penguasaan, Bahasa, Kata Kerja.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Arts

VERB MALAY PROFICIENCY AMONG HIGH SCHOOL STUDENTS

By

ANNUAR KHISHAM BIN ISA

April 2021

Chairman : Associate Professor Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This study was conducted aimed at examining the understanding of the correct use of grammar in teaching. Therefore, this study has three main objectives, to identify the level of mastery of verb use among students, analyze the types of verb use errors that affect verb mastery among students and formula the level of verb errors that affect verb mastery among students. The study conducted as a field study focused on 100 respondents consisting of 100 students, form four at Tunku Kurshiah College, Bandar Enstek, Negeri Sembilan. A verb mastery test form containing 4 sections was given to the respondents to obtain a high, medium or weak level of mastery. The theory of this study uses the theory of Corder (1971) which states that language errors disrupt or prevent students from mastering the patterns and rules of the language they are learning. The design of this study is survey in quantitative and qualitative research where researchers use Statistical Package for the Social Sciences Version 22.0 (SPSS) to measure the level based on the objectives of the study. Findings of the study The researcher analyzed descriptively to obtain the mean value and mean interpretation to measure the value of the level of each grammar proficiency. In addition, the findings of the study show that the mastery of verbs is still problematic, that is, there are errors among students who attend high - performing and excellent boarding schools, with eight respondents at the intermediate level and 92 at the excellent level. In detail, transitive verbs and intransitive verbs are also problematic for students to understand and master.

Keywords: Verb, Mastery, Language,,Grammar.

PENGHARGAAN

BISMILLAHHIRRAHM
ANIRRAHIM

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi
Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan nabi besar Nabi Muhammad SAW. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya akhirnya tesis ini menjadi kenyataan. Untuk itu sekalung apresiasi buat penyelia saya Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah atas kesabaran, nasihat, teguran dan bimbingan sehingga tercetusnya sebuah kajian ini. Saya amat terhutang budi kepada beliau atas kerjasama, jasa baik, ketekunan dan kesabarannya dalam mengendalikan penyeliaan kajian ini. Tidak dilupakan semua pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi terutamanya Dr Sharil Nizam Sha'ri atas tunjuk ajar dan sokongan moral tatkala saya amat memerlukannya. Jasamu ku kenang dan budimu ku sanjung. Pertolongan dan dorongan yang diberikan hanya Allah yang dapat membalasnya.

Buat isteri tercinta, Shaziana Bt Samsudin, terima kasih atas segala kasih sayang dan pengorbananmu. Tidak dilupakan kedua-dua putera cilik Ammar Khalis dan Muhammad Al-Fateh yang sentiasa mewarnai perjuangan dengan keletah riang anak-anak yang semakin bijak akal fikirnya dan senyuman comel bayi Murni, puteri bongsu penghibur keluarga kami. Sesungguhnya, hambamu ini bersyukur dengan segala nikmat pemberian-Mu ini. Terima kasih juga saya titipkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian ini.

Sekalung penghargaan kepada Pengetua Cemerlang Kolej Tunku Kurshiah, Hajah Anismah Bt Md. Noh atas keizinan dan kerjasama ketika menjalankan kajian di sekolah ini. Akhir kata, semoga hasil kajian ini nanti berupaya memberikan manfaat besar kepada para pelajar, guru, Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Pendidikan Malaysia serta senario pendidikan di negara kita. Hidup ini memberilah sebanyak-banyaknya, bukan menerima sebanyak-banyaknya. Maka besarlah harapan saya agar kajian saya ini mampu memberikan impak yang besar kelak dalam dunia pendidikan terutamanya kepada Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Harian dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 09 September 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Annuar Khisham bin Isa, GS37262

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya

Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Sharil Nizam bin Sha'ri

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB

1	PENGENALAN	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Pendidikan Di Malaysia	1
1.2.1	Tatabahasa Kata Kerja	1
1.2.2	Penguasaan Tatabahasa	2
1.2.3	Konsep Kesalahan Bahasa	3
1.2.4	Kesalahan dan Kesilapan	4
1.2.5	Analisis Kesalahan (<i>Error Analysis</i>)	5
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Skop dan Batasan Kajian	7
1.7	Definisi Operasional	7
1.7.1	Penguasaan Kata Kerja	7
1.7.2	Tatabahasa	8
1.7.3	Kata Kerja	8
1.7.4	Analisis Kesalahan	9
1.8	Kesimpulan	9
2	SOROTAN LITERATUR	10
2.1	Pengenalan	10
2.2	Kesalahan Bahasa	10
2.3	Jenis Kesalahan Bahasa	11
2.4	Punca Kesalahan Bahasa	12
2.5	Kajian Kesalahan Bahasa Melayu	15
2.6	Analisis Kesalahan: Definisi dan Model-Model Analisis	19
2.7	Kajian Lepas berkaitan dengan Tatabahasa	21
2.8	Kesimpulan	24
3	METODOLOGI	26
3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	26

3.2.1	Lokasi Kajian	28
3.2.2	Pendekatan Kajian	28
3.3	Populasi Kajian	29
3.4	Persampelan kajian	29
3.5	Instrumen kajian	30
3.5.1	Bahagian A: Demografi Responden	30
3.5.2	Bahagian B (1): Penggunaan Kata Kerja	30
3.5.3	Bahagian B (2): pilihan kata kerja yang paling tepat bagi melengkapkan ayat-ayat	31
3.5.4	Bahagian B (3): pilihan penggunaan kata kerja bagi setiap ayat	31
3.5.5	Bahagian B (4): Pilih ayat yang mempunyai penggunaan kata kerja yang betul	32
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	32
3.7	Kajian Rintis	32
3.8	Pengumpulan Data	33
3.9	Penganalisan Data Kajian	34
3.9.1	Kaedah Deskriptif	34
3.9.2	Dokumentasi dan Temu Bual	34
3.9.3	Statistik Deskriptif	34
3.10	Kesimpulan	35
3.11	Kerangka Konseptual Kajian	36
4	DAPATAN KAJIAN	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Profil responden kajian	37
4.3	Tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar	38
4.4	Analisis jenis kesilapan penggunaan kata kerja yang kerap dilakukan oleh pelajar	44
4.5	Merumus penerapan teori Corder dengan tahap kesilapan kata kerja yang menjejaskan penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar	49
4.6	Kesimpulan	51
5	RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN MASA AKAN DATANG	52
5.1	Pengenalan	52
5.2	Rumusan	52
5.3	Kesimpulan	54
5.4	Kesimpulan	57
	RUJUKAN	58
	LAMPIRAN	61
	BIODATA PELAJAR	71

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1	Penguasaan Penggunaan Kata Kerja 31
3.2	Item dan pilihan jawapan bagi pilihan kata kerja yang paling tepat bagi melengkapkan ayat-ayat 31
3.3	Pilihan penggunaan kata kerja bagi setiap ayat 32
4.1	Taburan Jantina Responden Kajian 37
4.2	Taburan Bangsa Responden 38
4.3	Taburan Aliran Responden 38
4.4	Tahap penguasaan penggunaan kata kerja 40
4.5	Jenis Kesilapan Penggunaan kata kerja yang kerap dilakukan (Penggunaan Kata Kerja) 45
4.6	Jenis kesalahan kata kerja 46
4.7	Jenis kesalahan kata kerja 47
4.8	Jenis kesalahan kata kerja 48

SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
KDN	Kementerian Dalam Negeri



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam menguasai bahasa, seseorang penutur atau penggunanya hendaklah dapat memahami dan mempraktikkannya dalam urusan seharian. Penggunaan bahasa yang betul dan standard menunjukkan sikap peduli bahasa dalam kalangan penuturnya yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang memartabatkan bahasa. Hal ini, bahasa Melayu merupakan bahasa yang diangkat sebagai bahasa rasmi di Malaysia. Faktor sejarah bahasa Melayu sendiri merupakan lingua franca di zaman kepulauan Nusantara telah melayakkan bahasa Melayu dijulung sebagai bahasa kebangsaan dan digunakan secara rasmi di negara. Selain itu, bahasa Melayu mudah dipelajari dan difahami serta mempunyai bilangan penutur majoriti di Malaysia (Nazarudin hj. Mohd Jali, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah & Ismail Hj. Mohd Rashid (2001).

1.2 Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Pendidikan Di Malaysia

Bahasa merupakan satu sistem yang mana setiap pembentukan kata mahupun unsur kata adalah saling berkaitan dan bertepatan dengan kehendak peraturan tatabahasa itu sendiri. Pembentukan kata merujuk kepada proses atau cara bagaimana sesuatu kata itu dicipta dan dibentuk. Hal ini bererti penciptaan kata dapat diilustrasikan melalui mikro-sistem pembentukan kata terbitan. Leksem kata nama atau adjektif mahupun kata kerja itu sendiri bergabung bersama morfem yang berkaitan untuk menghasilkan kata kerja terbitan. Pengilustrasian pembentukan kata kerja berimbuhan melalui mikro-sistem bukan sahaja merupakan satu alat untuk mudah memahami proses berlakunya pengimbuhan dan fungsinya, malah boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa (Mohd Nor Azan Abdullah, Musirin Mosin, 2017).

1.2.1 Tatabahasa Kata Kerja

Terdapat lima golongan kata dalam bahasa Melayu iaitu kata nama, kata perbuatan, kata sifat, kata sendi dan kata seruan (Za'ba, 1947). Dalam lima jenis tersebut, kata nama dan kata perbuatan merupakan dua golongan kata yang terpenting kerana menjadi inti percakapan. Berbeza dengan Asmah (1968) pula membahagikan kepada tiga golongan iaitu kata nama, kata kerja dan kata tugas. Sementara itu, Abdullah Hassan (1980) mengatakan terdapat enam kelas kata dalam Bahasa Melayu iaitu kata nama, kata kerja, kata adverb, kata adjektif, kata tugas dan kata partikel. Tidak ketinggalan, Nik Safiah Karim (1986)

pula membahagikan kata dalam bahasa Melayu kepada empat bahagian iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas.

Dengan pelbagai pembahagian dibuat oleh sarjana, pengkaji menggunakan pembahagian yang dibuat oleh Nik Safiah Karim dalam kajian ini. Hal ini kerana pengelasan yang dibuat oleh Nik Safiah dalam Tatabahasa Dewan (1995) menjadi rujukan utama dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah menengah di negara ini.

1.2.2 Penguasaan Tatabahasa

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa setaraf dengan peringkat intelek pelajar di peringkat tinggi dan memupuk daya pengembangan berbahasa bagi kepentingan pendidikan tinggi dan pekerjaan (KPM, 1989:1). Selain itu, pelajar juga akan dapat mencapai pemahaman tentang sistem bahasa, unsur dan nilai yang didukungnya, kecekapan berkomunikasi, melahirkan fikiran dan perasaan serta kreatif melalui lisan dan penulisan.

Walaupun penggunaan bahasa Melayu begitu meluas di dalam dan di luar bilik darjah, tetapi laporan Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Melayu pelajar masih belum mencapai tahap yang dikehendaki. Kemerostan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dikaitkan dengan kemerostan pelajar menguasai mata pelajaran ini (Omar Mohd Hashim, 1978:460–461). Kemerostan dua prestasi pelajar ini dikatakan berpunca daripada kesalahan bahasa dalam aspek kemahiran lisan dan penulisan (Hamdan Abdul Rahman, 1980). Kelemahan pelajar dalam aspek tulisan pula banyak berkisar pada masalah penguasaan ejaan hingga pada masalah penguasaan morfologi dan sintaksis (Awang Sariyan, 1980).

Aspek tatabahasa amatlah penting diberikan penekanan dalam meningkatkan keberkesanan terhadap pengajaran guru dan pembelajaran murid. Murid sering kali berlaku masalah peningkatan kemahiran dalam bahasa apabila menggunakan kata kerja dalam ayat (Maryati Mohd Nor, Norhana Mohd Salleh & Hasrina Baharum, 2017). Mereka berpendapat bahawa tatabahasa Melayu mempunyai naahnya yang sangat penting yang menjadi salah satu aspek pengajaran guru. Kesilapan dalam penggunaan ayat seperti kurang memahami, tidak memahami penggunaannya dan maklumat yang disampaikan kurang berkesan mengakibatkan pembelajaran murid terjejas. Oleh itu penggunaan tatabahasa yang begitu baik dari segi ayat yang betul dan gramatis adalah penting untuk penguasaan yang baik dalam penulisan dan pembelajaran.

Terdapat juga pelajar yang menggunakan ayat struktur sintaksis yang menyalahi hukum-hukum tatabahasa. Hal ini menyebabkan pelajar mempunyai pelbagai kesalahan struktur seperti frasa, penggunaan kata dalam penulisan dan beberapa kesalahan bahasa yang selalu dikenal pasti (Siti Khodijah, 2020). Nurul Istinganah (2012) pula menjelaskan bahawa pelajar mestilah mempunyai teknik belajar yang betul untuk membantu meningkatkan tahap kefahaman pelajar. Selain itu, tenaga pengajar juga bertanggungjawab dalam menyelaraskan pelajaran agar pendedahan tentang kesalahan bahasa dapat diatasi dan memberi fokus pada kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar.

1.2.3 Konsep Kesalahan Bahasa

Mansor (2006) telah mendefinisikan bahasa sebagai alat yang terdiri daripada bunyi berartikulasi yang digunakan untuk berkomunikasi atau berhubungan, sama ada secara bertulis mahupun secara lisan. Secara umumnya, sifat bahasa ialah sesuatu yang lahir atau bunyi yang keluar dari mulut yang mempunyai erti sebagai lambang. Istilah kesalahan bahasa mempunyai pelbagai pengertian. Hal ini merupakan bentuk-bentuk peraturan yang menyimpang atau menyalahi bentuk-bentuk pertuturan penutur jati (Corder, 1981).

Menurut Corder (1981), kesalahan bahasa biasanya berpunca daripada tindakan penutur melakukan penukaran, pengalihan atau penghilangan sesuatu bahagian ucapan atau tulisan seperti sesuatu bunyi, morfem, perkataan atau rangkai kata hingga menyebabkan ayat-ayat yang dibentuk mengandungi kesilapan. Kesalahan bahasa juga boleh berlaku akibat kurangnya pengetahuan mengenai kaedah bahasa dan merupakan penyimpangan-penyimpangan sistematik yang disebabkan oleh tahap pengetahuan pelajar semasa belajar sesuatu bahasa (Corder, 1981). Corder menerangkan bahawa masalah ini bukan sahaja melibatkan kesalahan penggunaan perkataan tetapi turut merangkumi kesalahan struktur frasa dan ayat. Hal ini berlaku disebabkan kegagalan pelajar untuk menyesuaikan peraturan bahasa yang digunakan dengan sesuatu keadaan tertentu. Kesalahan bahasa boleh berlaku apabila penggunaanya keliru atau tidak memahami penggunaan aspek-aspek tertentu dalam laras bahasa yang digunakan (Webber, 1981).

Kesalahan bahasa merupakan satu kenyataan fenomena biasa yang terjadi kepada penutur sama ada penutur asli atau sebaliknya kerana pengetahuan bahasa seseorang sentiasa berkembang sejak dia mula tahu bertutur sehinggalah ke akhir hayatnya (Corder, 1981). Begitu juga dengan perihal dalam proses pembelajaran bahasa Melayu, sama ada di sekolah mahupun di rumah, baik sebagai bahasa pertama mahupun sebagai bahasa kedua. Individu-individu yang berkenaan tidak terlepas daripada membuat kesalahan bahasa. Oleh itu, berhubung perkara ini, Corder (1973, ms. 256) menyatakan bahawa "*... All learners make mistakes. This is not confined to language learners. We all make mistakes when we are speaking our mother tongue.*" Kenyataan tersebut adalah bertepatan dalam konteks kesalahan bahasa dalam penggunaan

Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, iaitu konsep kesalahan bukan sahaja merujuk kepada kesalahan bahasa asing yang dipelajari, tetapi turut melibatkan bahasa ibunda seseorang pelajar yang masih lagi dalam proses mempelajari tentang rumus dan peraturan laras bahasanya.

1.2.4 Kesalahan dan Kesilapan

Kedua-dua istilah kesalahan dan kesilapan sering kali digunakan silih berganti dalam kajian bahasa, namun ditekankan sebagai dua istilah yang berbeza dalam kalangan sarjana bahasa. Menurut Brown (1994a), kesilapan merujuk kepada sesuatu kegagalan untuk menggunakan sesuatu sistem yang diketahui dengan betul, manakala kesalahan pula melibatkan sesuatu penyimpangan yang ketara daripada tatabahasa seseorang penutur jati dewasa. Hal ini mencerminkan kecekapan interbahasa seseorang pelajar. Terdapat dua perkara yang perlu diketengahkan di sini, iaitu, pertamanya, kesilapan tidak memerlukan rawatan atau pembedahan khas memandangkan sudah diketahui. Keduanya, kesalahan dalam pengertian oleh Brown di sini merujuk kepada struktur sahaja.

Sementara itu, kedua-dua Corder (1967, 1971) dan James (1998) mendedahkan satu kriteria yang membantu dalam membezakan antara kesalahan dan kesilapan. Sesuatu kesilapan boleh dibetulkan sendiri, tetapi sesuatu kesalahan pula tidak dapat dibetulkan sendiri. Kesalahan adalah "sistematik", dengan kata lain lebih cenderung untuk berlaku lebih kerap dan tidak diketahui oleh pelajar. Oleh itu, hanya guru atau penyelidik yang membuat kajian berkenaan kesalahan bahasa yang dapat mengenal pasti akan hal tersebut, manakala pelajar sendiri tidak akan dapat berbuat demikian (Gass & Selinker, 1994).

Norriah (1983) membuat satu perbezaan yang jelas di antara kesalahan dan kesilapan. Beliau menyatakan bahawa kesalahan adalah sisihan sistematik apabila seseorang pelajar belum mempelajari sesuatu dan melakukan kesalahan secara konsisten. Norriah juga menambah bahawa apabila seseorang pelajar yang sedang mempelajari sesuatu bahasa melakukan kesalahan secara sistematik adalah disebabkan oleh pelajar berkenaan belum mempelajari peraturan atau bentuk yang betul. Sementara itu, Norriah mendefinisikan kesilapan sebagai "penyimpangan tidak konsisten". Beliau menerangkan, apabila seseorang pelajar yang telah diajar mengenai sesuatu bentuk yang betul dan pelajar berkenaan menggunakan satu bentuk ke satu bentuk yang lain secara tidak konsisten, penyimpangan tidak konsisten sedemikianlah yang disebut sebagai kesilapan.

1.2.5 Analisis Kesalahan (*Error Analysis*)

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa, analisis kesalahan adalah teknik untuk mengenal pasti, mengelaskan dan menginterpretasi secara sistematik bentuk yang tidak dapat diterima serta dihasilkan oleh seseorang yang sedang belajar bahasa, menggunakan mana-mana prinsip dan prosedur disediakan oleh linguistik (Haque, 1993). Prosedur analisis kesalahan melibatkan pengumpulan sampel bahasa pelajar, mengenal pasti kesalahan dalam sampel berkenaan, menerangkan kesalahan-kesalahan tersebut, mengelaskan kesalahan-kesalahan tersebut mengikut puncanya dan menilai tahap keseriusan kesalahan tersebut (Ellis, 1985).

Analisis kesalahan merupakan sumber maklumat yang tidak ternilai kepada guru-guru dan juga penyelidik. Hal ini demikian kerana analisis ini juga membantu memberikan maklumat mengenai kesalahan pelajar iaitu kaedah untuk membetulkan kesalahan pelajar dan menambah baik keberkesanan pembelajaran mereka dapat dirangka dan dipertingkatkan. Menurut Richards et al. (1996), analisis kesalahan dijalankan untuk mengenal pasti strategi yang digunakan pelajar dalam pembelajaran bahasa, untuk mengesan punca kesalahan pelajar, mendapatkan maklumat tentang kesukaran yang biasa terjadi dalam pembelajaran bahasa atau tentang bagaimana untuk menyediakan bahan-bahan mengajar. Michaelides (1990) menambah bahawa analisis sistematik terhadap kesalahan pelajar boleh menjadi sesuatu yang bernilai kepada mereka yang berkepentingan dalam hal tersebut seperti guru-guru, para pelajar dan juga penyelidik.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam masyarakat hari ini, berlakunya kekurangan fahaman penggunaan tatabahasa sehingga menyukarkan perbezaan kata yang hendak digunakan mengikut konteks dan situasi. Tambahan pula, kata kerja sebagai satu golongan kata yang boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif. Sesetengah pengguna bahasa menghadapi masalah untuk mengenali kata kerja transitif (KKT). Pengguna juga didapati kurang memahami ciri-ciri khusus kata kerja tersebut (Mohd Ramsul, 2018).

Selain itu, pelajar sering kali keliru dengan bentuk konjugasi kata kerja yang pelbagai berdasarkan subjek dan kala, melakukan penambahan kata kerja yang tidak perlu, mengurangkan kata kerja yang perlu, pemilihan kata kerja yang salah dan melakukan terjemahan yang tidak tepat (Haji Mohd Nor, Mariyati and Md. Salleh, Norhana and Baharum, Hasrina, 2017).

Kajian Junaini Kasdan, Nor Suhaila Che Pa & Mohd Syamril Akhmar Che Kassim (2015) mendapati bahawa penguasaan bahasa Melayu penjawat awam di universiti teknikal Malaysia yang dipilih adalah pada tahap sederhana. Kajian yang dilakukan oleh Siti Norsyahida Mohd A Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh (2015) dalam kajiannya mengenai kesalahan bahasa daripada aspek morfologi dalam laman blog. Objektif dalam kajian ini ialah mengenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam 10 laman blog daripada segi pembentukan kata daripada aspek imbuhan, kata nama, kata ganda, kata kerja dan kata majmuk. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kesilapan bahasa daripada aspek morfologi iaitu kata terbitan, kata majmuk, kata ganda dan kata tunggal. Kelemahan dikesan dalam bentuk morfologi, sintaksis dan pilihan kata, yang kadang kala menimbulkan kekeliruan dan menyebabkan maklumat tidak dapat diterima dengan baik.

Di samping itu, kesilapan penggunaan kata kerja menjadi aspek kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar sekolah sehingga kini. Menurut Noor Fadilah (2010) mengkaji penguasaan kata kerja mendapati kesilapan pelajar adalah banyak berlaku apabila dibiarkan akhirnya diterima sebagai betul, kesilapan dalam kalangan penutur natif sendiri, kekurangan penelitian terhadap kesilapan penggunaan kata kerja, serta kekurangan panduan mengatasi kesilapan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa. Penguasaan penggunaan bahasa Melayu yang tepat perlu dimantapkan seperti yang digariskan dalam sistem pelajaran Negara (Ramesh, 2015). Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad (2017) yang mengkaji faktor pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua murid Iban. Analisis kajian ini dijalankan berasaskan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) mengikut empat kategori kesilapan bahasa yang telah disenaraikan iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, penyusunan unsur yang salah dan kesilapan dalam bidang linguistik seperti morfologi, sintaksis dan leksikon. Oleh itu, kajian ini juga mendapati bahawa teori Corder adalah bersesuaian untuk menganalisis tahap penguasaan penggunaan kata kerja.

1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Mengetahui tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar.
- 1.4.2 Menganalisis jenis kesilapan penggunaan kata kerja yang menjejaskan penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar.
- 1.4.3 Merumuskan penerapan teori Corder dengan tahap kesilapan kata kerja yang menjejaskan penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Apakah tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar?
- 1.5.2 Bagaimanakah jenis-jenis kesilapan penggunaan kata kerja yang menjejaskan penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar dapat dianalisis?
- 1.5.3 Apakah rumusan kesilapan kata kerja yang menjejaskan penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar?

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, skop kajian adalah tertumpu kepada pelajar Tingkatan Empat. Selain itu, skop penguasaan kata kerja adalah menjurus kepada penguasaan terhadap peraturan dan rumus kata kerja yang merangkumi kata kerja transitif dan tak transitif sahaja.

Sampel kajian adalah terhad kepada 100 orang pelajar Tingkatan Empat sekolah menengah sekolah berasrama penuh, maka, hasil kajian ini tidak dapat digeneralisasi kepada jumlah populasi pelajar di Malaysia. Oleh itu dalam kajian ini ingin meninjau secara deksriptif penguasaan tahap penggunaan tatabahasa dan kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar di sekolah.

1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini memberi definisi kepada penguasaan tatabahasa, kata kerja, dan analisis kesalahan yang diberi tumpuan dalam kajian ini.

1.7.1 Penguasaan Kata Kerja

Penguasaan kata kerja merupakan kecekapan dan kebijaksanaan dalam sesuatu tatabahasa. Penguasaan dapat dijelaskan sebagai sesuatu yang boleh diketahui dengan baik dan mempunyai kemahiran berkaitan dengan menguasai kata kerja. Selain itu, penguasaan kata kerja adalah pengetahuan yang sedia ada yang diterapkan dalam kemahiran berbahasa dengan pengetahuan nahu yang betul.

Menurut Nik Safiah Karim (1981) menyatakan bahawa kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar berlaku kerana penguasaan sistem bahasa Melayu pelajar tersebut berada pada tahap yang kurang memuaskan. Oleh itu, kecekapan dalam menganalisis sintaksis dan nahu dengan kemahiran berbahasa yang baik agar dapat memberi penyampaian makna dan fahaman yang berkesan. Dalam konteks kajian ini, penguasaan bermaksud kemampuan pelajar memahami, mengetahui, mengenal pasti dan menganalisis peraturan atau rumus yang mendasari aspek penggunaan kata kerja dalam pembinaan ayat menerusi soalan pelbagai pilihan yang disediakan dalam instrumen kajian ini.

1.7.2 Tatabahasa

Tatabahasa membawa maksud hukum yang menyatakan bagaimana unsur dalam bahasa perlu digabungkan untuk menjadi ayat yang bermakna (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2016). Menurut Nik Safiah Karim et.al (1996), mentarifkan bahasa itu terdiri daripada kumpulan ayat yang tidak terbilang jumlahnya. Ayat pula terdiri daripada rentetan perkataan yang bermakna.

Dalam konteks kajian ini, tatabahasa merupakan sistem bahasa yang mempunyai kata, morfem, morfologi dan sintaksis. Kajian ini memfokuskan kepada aspek sintaksis dengan mengenal pasti kefahaman pelajar tentang tatabahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Tatabahasa berpandukan kepada dua, iaitu morfologi dan sintaksis yang membentuk sesuatu bahasa. Morfologi adalah istilah ilmu linguistik bidang huraian pada peringkat perkataan. Manakala sintaksis pula menerangkan bidang huraian pada peringkat ayat hingga memberi wacana makna.

1.7.3 Kata Kerja

Kata kerja boleh didefinisikan sebagai golongan kata yang menunjukkan perbuatan, perlakuan atau keadaan melakukan sesuatu (Nik Safiah Karim et. al, 1995). Kata kerja terbahagi kepada dua jenis, iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Kata kerja transitif ialah perbuatan yang dibuat oleh pelaku terhadap orang atau objek lain dan memerlukan objek atau penyambut selepas kata kerja. Selain itu, kata kerja transitif ialah kata kerja yang mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya (Nik Safiah Karim et. al: 2004).

Dalam konteks kajian ini memfokuskan kepada kata kerja transitif juga terbahagi kepada dua, iaitu kata kerja transitif aktif dan kata kerja transitif pasif. Sementara itu, kata kerja tak transitif pula ialah kata kerja yang dilakukan oleh pelaku kepada diri pelaku sendiri dan tidak memerlukan objek atau penyambut. Kata kerja tak transitif juga terbahagi kepada dua jenis, iaitu kata kerja tak transitif tanpa pelengkap dan kata kerja tak transitif dengan pelengkap. Selain itu, kata

kerja juga melibatkan penggunaan perkataan hampir sama makna dalam sesuatu struktur ayat.

1.7.4 Analisis Kesalahan

Analisis kesilapan adalah pemeriksaan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar sama ada dalam medium pertuturan mahupun penulisan (Corder,1967). Dengan melakukan analisis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar bahasa secara sistematik membolehkan pengenalpastian terhadap kawasan yang memerlukan lebih pengukuhan dalam pengajaran (Corder, 1967).

Dalam konteks kajian ini, analisis kesalahan adalah melibatkan analisis kesalahan penggunaan peraturan kata kerja dalam bahasa Melayu oleh pelajar-pelajar Tingkatan Empat di sekolah berasrama penuh.

1.8 Kesimpulan

Bab satu ini menjelaskan struktur asas kajian tentang Penguasaan Kata Kerja Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah yang melibatkan pernyataan masalah dan objektif kajian yang menjadi kekuatan untuk menjalankan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood, (1992). *Ayat Pasif Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka. Abdullah Hassan. (1993). *Tatabahasa Pedagogi*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Amirra Shazreena Aminul Razin, and Vijayaletchumy Subramaniam, (2019) *Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973)*. International Journal of the Malay World and Civilisation, 7 (1). pp. 3-13. ISSN 2289-1706.
- Awang Sariyan. (1986). *Kunci Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya, Sasbadi Sdn. Bhd.
- Corder S.P. 1973. *Introducing Applied Linguistics*. Lincoln: Penguin Books Ltd
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J.W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among five approaches*. (Edisi ke-2.). Thousand Oaks, CA: Sage
- Creswell, J.W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (Edisi ke-4). Boston, MA: Pearson Education.
- Creswell, J.W. (2013). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed approaches* (Edisi ke-4). Nebraska, USA: Sage Publication.
- Dayang Sufilkawany Ujai dan Wan Muna Ruzanna Wan Muhammad. 2017. Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7: 78-84.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Junaini Kasdan, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin, (2010). *Struktur Kata Kerja Transitif + Lagi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*, Jilid 10 (edisi khas) 2010
- Haji Mohd Nor, Mariyati & Md. Salleh, Norhana and Baharum, Hasrina. (2017). Kesilapan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar Melayu ketika menstruktur ayat dalam penulisan bahasa Sepanyol. *EDUCATUM – Journal of Social Science*, 3 (1). pp. 1-9. ISSN 2289-9391.
- Hasmidar Hassan, (2018). Kecelaruhan Morfologi Dalam Penulisan Bahasa Melayu Oleh Penutur Asing, *Jurnal Linguistik* Vol. 22 (2) Disember 2018 (020-036), Issn 1823-9242 *Jurnal Linguistik* Vol.22(2) Disember 2018 (020-036)

- Jumiya, Ahmad (2014) *Masalah pembelajaran dan penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Kensiou: Satu kajian kes*. PhD. thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Kamarul Azmi, Jasmi Osmawadi & Talip Mohd Faez Ilias, (2017). *Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Pen Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Pen Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Didikan Islam Berpusatkan Pelajar Berpusatkan Pelajar*, *Jurnal UTM* <http://eprints.utm.my/id/eprint/39980/1/>.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood (1996).
- Nik Safiah Karim. (1981). *Pencemaran Bahasa Malaysia dan Kesannya terhadap Pembelajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2016), Dokumen Awal Putrajaya.
- P Jehwae -, 2016 - *Jurnal Pustaka Budaya* [journal.unilak.ac.id](http://journal.unilak.ac.id/index.php/pb/article/view/580) <https://journal.unilak.ac.id/index.php/pb/article/view/580>
- Pusat Pendidikan Luar (2011). KRB 3033 *Pengantar Bahasa Melayu*, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, Perak.
- Sharma, S.K. (1981). Error analysis: why and how? *English Teaching Forum*, XIX (2), 21-25.
- Siti Khodijah Che Mee (2020). Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(1), 2020: 59 - 73 (<https://doi.org/10.17576/jatma-2020-0801-06>)
- Sivaneswary Sivaratanam. (2019). Penguasaan Golongan Kata Dalam Kalangan Murid Sjkt. Rumpun. *Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 1-24.
- Syafika Atika Binti Othman & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Frasa Kerja Dalam Dialek Negeri Sembilan: Analisis Kerangka Minimalis, *Jurnal Wacana Sarjana* Vol. 3(1) Mac 2019: 1- 14.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh. 2015. Penggunaan Bahasa dalam Laman Blog dari Aspek Morfologi. *Journal of Business and Social Development* 3(2):34-50.
- Nik Safiah Karim (2009). *Tatabahasa Dewan*, Ampang/ Hulu Kelang, Selangor. Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wong Shia Ho. 2015. Tinjauan Tentang Penggunaan Bahasa Melayu dalam
Buku Teks Geografi Tingkatan Satu. Jurnal Penyelidikan IPG KBL 12



BIODATA PELAJAR

Annuar Khisham bin Isa, dilahirkan di Kampung Tanjung, Kg Gajah, Perak pada 5 Februari 1979. Beliau merupakan anak sulung daripada lapan adik-beradik. Anak kepada En Isa Bin Mohamad dan Puan Aminah Bt Hj Hashim ini pada mulanya bercita-cita menjadi seorang pemain bola sepak profesional. Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Ampang dan melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kosas, Ampang. Selepas itu, Annuar Khisham menyambung pelajaran di tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Hulu Kelang, Ampang. Kemudian pada tahun 2000-2003 beliau menyambung pelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tg Malim dalam bidang Ijazah Pendidikan Bahasa Melayu dengan Kepujian. Mula berkhidmat di Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya dari tahun 2003 sehingga 2013, kemudian di Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya dan kini di Kolej Tunku Kurshiah, Bandar Enstek, Negeri Sembilan (2016-2020). Annuar Khisham mendirikan rumah tangga dengan seorang pendidik, Puan Shaziana Bt Samsudin yang kini mengajar di Kolej Vokasional Sepang dan dikurniakan tiga orang anak, dua orang lelaki dan seorang perempuan.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2020/2021

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGUASAAN KATA KERJA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR

SEKOLAH MENENGAH

NAMA PELAJAR : ANNUAR KHISHAM BIN ISA

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo dari _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama: Profesor Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]